

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL**  
**[KUALA KEDAH]**

**TARIKH : 16 MAC 2015 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Dr. Azman Bin Ismail** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan mengapa tarif elektrik TNB tidak diturunkan meskipun harga minyak dan arang batu dunia telah turun.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Mulai 1 Januari 2014, Kerajaan telah menetapkan kadar tarif elektrik di Semenanjung berdasarkan pendekatan Kawal Selia Berdasarkan Insentif atau *Incentive – Based Regulation* (IBR), dengan izin. Dibawah pendekatan IBR, terdapat mekanisme *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT), dengan izin, dimana sebarang pengurangan atau peningkatan kos bahan api dan lain-lain kos penjanaan bekalan elektrik akan dilepaskan kepada pengguna melalui semakan setiap 6 bulan.
2. Semenjak awal tahun 2014, harga arang batu yang digunakan untuk menjana elektrik adalah lebih rendah berbanding harga tanda aras (*baseline price*), dengan izin, sebanyak USD 87.50/tan. Setelah mengambil kira penjimatan dalam kos penjanaan, Kerajaan telah memutuskan untuk melepaskan penjimatan sebanyak RM726.99 juta kepada pengguna-pengguna di Semenanjung. Ini diterjemahkan dalam bentuk pengurangan caj

ICPT sebanyak 2.25 sen/kWj bagi tempoh 1 Mac 2015 hingga 30 Jun 2015.

3. Keputusan ini akan melibatkan semua pengguna domestik dalam lingkungan penggunaan melebihi 300kWj sebulan dan semua pengguna-pengguna komersial dan industri. Penurunan ini dapat dimanfaatkan oleh pengguna melalui bil elektrik yang lebih rendah berdasarkan penggunaan elektrik semasa.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

4. Mekanisme ICPT masih belum diimplementasikan di Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Namun demikian, selaras dengan penurunan harga minyak mentah dunia, terdapat penjimatan dalam perbelanjaan bagi bahan api. Untuk mengurangkan beban rakyat, pihak Kerajaan telah bersetuju agar purata kadar tarif 34.52 sen/kWj diturunkan sebanyak 1.20 sen/kWj bagi Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan bagi tempoh 1 Mac hingga 30 Jun 2015.
5. Dalam hubungan ini, pengurangan bil elektrik menerusi semakan ICPT di Semenanjung dan pengurangan purata kadar tarif elektrik di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan, telah membuktikan

ketelusan Kerajaan dalam memastikan bekalan elektrik dapat dinikmati oleh rakyat berdasarkan kos sebenar. Komitmen ini membuktikan Kerajaan amat prihatin untuk meringankan beban dan kos sara hidup rakyat.

\*\*\*\*\*